

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI
SEMPENA PELANCARAN SEMULA AMANAH SAHAM WAWASAN 2020
DAN MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN PNB 2005
DI MANDARIN ORIENTAL, KUALA LUMPUR
14 JANUARI, 2005

Y. BHG. TAN SRI AHMAD SARJI ABDUL HAMID
PENGERUSI P.N.B.

Y. BHG. TAN SRI HAMAD KAMA PIAH CHE OTHMAN
PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF KUMPULAN P.N.B.

Y. BHG TAN SRI MUSA HITAM

DIF-DIF JEMPUTAN

SAUDARA SAUDARI YANG SAYA HORMATI SEKELIAN

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

1. TERLEBIH DAHULU MARILAH KITA SAMA-SAMA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH DAN INAYAHNYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA MALAM INI.

2. TERIMA KASIH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (P.N.B.) KERANA SUDI MENJEMPUT SAYA KE MAJLIS PELANCARAN SEMULA AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 DAN MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN P.N.B. 2005.

3. SAYA MERASA SUKACITA KERANA DAPAT BERTEMU SEKALI LAGI DENGAN GOLONGAN PROFESIONAL DI SATU MAJLIS BERTEMAKAN PELABURAN, IAITU PELABURAN UNIT AMANAH. SEPERTIMANA YANG TELAH SAYA KATAKAN SEBELUM INI, PELABURAN DALAM BENTUK UNIT AMANAH MERUPAKAN SATU-SATUNYA CARA UNTUK RAKYAT PELBAGAI LAPISAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PENJANAAN KEKAYAAN DARI PASARAN MODAL TANPA TERDEDAH KEPADA RISIKO YANG TINGGI. INI ADALAH MUSTAHAK KERANA UNIT AMANAH JUGA MEMBOLEHKAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH MENABUNG DAN MELIBATKAN DIRI DALAM PELABURAN DEMI KESEJAHTERAAN JANGKAMASA PANJANG.

4. ALHAMDULILLAH, PENGLIBATAN RAKYAT DI DALAM INDUSTRI UNIT AMANAH NEGARA TELAH BERKEMBANG DENGAN AGAK PESAT. KINI, TERDAPAT 36 SYARIKAT PENGURUSAN DANA YANG TELAH DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA SEKURITI. SAYA DIFAHAMKAN SEHINGGA SEPTEMBER 2004, NILAI ASET BERSIH UNIT AMANAH DI MALAYSIA BERJUMLAH RM79.6 BILION, IAITU SATU PENINGKATAN DARI RM72 BILION PADA AKHIR TAHUN 2003. INI MERUPAKAN SATU PENCAPAIAN YANG MENGGALAKKAN DAN SAYA YAKIN PENCAPAIAN INI AKAN TERUS

BERKEMBANG DARI SEMASA KE SEMASA. MUNGKIN DENGAN PERSEKITARAN KADAR FAEDAH YANG RENDAH, MASYARAKAT AKAN SEMAKIN BERALIH ARAH DAN MEMBERI LEBIH TUMPUAN KEPADA DANA UNIT AMANAH SEBAGAI ALTERNATIF KEPADA PERANCANGAN KEWANGAN DAN PELAN SIMPANAN SERTA PELABURAN MEREKA.

5. JUSTERU, SAYA MENYARAN SUPAYA ANGGOTA INDUSTRI UNIT AMANAH TERUS BERUSAHA UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN MASYARAKAT MENGENAI KELEBIHAN PELABURAN DALAM BENTUK UNIT AMANAH. NAMUN, KEFAHAMAN YANG DIMAKSUDKAN BAGI PARA PELABUR MERANGKUMI KADAR RISIKO DAN PULANGAN DARI PELABURAN MANA-MANA SKIM UNIT AMANAH. PARA PELABUR SEHARUSNYA DIBERI KESEDARAN BAHAWA PELABURAN SKIM UNIT AMANAH BUKANLAH SEKADAR MENABUNG DI BANK SIMPANAN. KINI, TERDAPAT LEBIH DARI 280 SKIM UNIT AMANAH YANG DITAWARKAN DI PASARAN DAN PARA PELABUR MESTILAH BIJAK DALAM MEMILIH DANA AMANAH YANG BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK INDIVIDU. SAYA PERCAYA DENGAN KOMITMEN YANG GIGIH DARI PARA PENGURUS DANA UNIT AMANAH, KEDUDUKAN INDUSTRI UNIT AMANAH NEGARA AKAN MENJADI SEMAKIN MATANG DAN TERUS MAJU, INSYAALLAH.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN

6. INDUSTRI UNIT AMANAH TEMPATAN MULA MENDAPAT PERHATIAN RAKYAT UMUM SELEPAS PELANCARAN AMANAH SAHAM NASIONAL PADA TAHUN 1981 OLEH P.N.B. PADA PERINGKAT PERMULAANNYA, DANA UNIT AMANAH YANG DIURUSKAN OLEH P.N.B. DIGEMBLENG SEBAGAI SALAH SATU MEKANISME PENGAGIHAN KEKAYAAN NEGARA DENGAN MATLAMAT UNTUK MENGIMBANGI JURANG SOSIO-EKONOMI ANTARA KAUM DI MALAYSIA, SELARAS DENGAN DASAR EKONOMI BARU YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN. SETELAH DANA PERTAMA MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN, P.N.B. TELAH MELANCARKAN DANA UNIT AMANAHNYA YANG KEDUA, IAITU AMANAH SAHAM BUMIPUTERA PADA TAHUN 1990.

7. MENYEDARI BAHAWA GENERASI MUDA MERUPAKAN BAKAL PEMIMPIN DAN PENCETUS MASA DEPAN NEGARA, AMANAH SAHAM WAWASAN 2020 TELAH DILANCARKAN PADA TAHUN 1996 YANG DISASARKAN KEPADA GENERASI MUDA BERUMUR 12 TAHUN KE ATAS DAN TIDAK MELEBIHI 30 TAHUN. TABUNG INI BERTUJUAN UNTUK MEMUPUK SIKAP BERJIMAT CERMAT DAN MENABUNG DI KALANGAN GENERASI MUDA YANG SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MENDIDIK MEREKA JUGA TENTANG PERANCANGAN KEWANGAN DARI PERINGKAT AWAL LAGI. DI SAMPING ITU, A.S.W. 2020 TURUT MEMAINKAN PERANAN SEBAGAI JENTERA UNTUK MEMPERKUKUHKAN SEMANGAT INTEGRASI NASIONAL DAN PERPADUAN NEGARA KERANA IA DITAWARKAN KEPADA SEMUA KAUM.

8. PADA MALAM INI, SAYA DIBERI PENGHORMATAN UNTUK MELANCARKAN SEMULA A.S.W. 2020 DENGAN CIRI-CIRI KELAYAKAN DAN URUS NIAGA YANG BARU. KERAJAAN MENGAMBIL MAKLUM BAHAWA GENERASI MUDA YANG BERUMUR SEHINGGA 40 TAHUN MERUPAKAN KUMPULAN YANG TERBESAR DI MALAYSIA. MAKA, ADALAH WAJAR SEKIRANYA DANA UNIT AMANAH INI DIPERLUASKAN SASARANNYA KEPADA KUMPULAN YANG LEBIH BESAR INI. BERKUATKUASA HARI

INI, KELAYAKAN HAD UMUR MAKSIMUM 30 TAHUN DIPINDA KEPADA 40 TAHUN. DALAM erti kata lain, kini warganegara Malaysia berumur 12 tahun ke atas dan tidak melebihi 40 tahun layak untuk melabur dalam A.S.W. 2020. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada lebih ramai pelabur untuk merancang kedudukan kewangan mereka menerusi instrumen pelaburan yang pelbagai di samping menikmati manfaat pelaburan jangka panjang.

9. BERKUATKUASA HARI INI JUGA, SAYA TELAH DIMAKLUMKAN URUS NIAGA JUALAN BALIK A.S.W. 2020 YANG SEBELUM INI DIHADKAN KEPADA EMPAT KALI BAGI SETIAP TAHUN KEWANGAN KINI DIMANSUHKAN. DENGAN KATA LAIN, PELABUR KINI BOLEH MELAKUKAN TRANSAKSI JUALAN BALIK PADA BILA-BILA MASA SEBAGAIMANA URUS NIAGA DANA-DANA UNIT AMANAH P.N.B. YANG LAIN. INI BERERTI SEMUA UNIT-UNIT AMANAH YANG DIURUSKAN OLEH P.N.B. BOLEH DIKELUARKAN ATAU DIJUAL BALIK PADA BILA-BILA MASA – MENJADIKAN P.N.B. SATU-SATUNYA PENGURUS DANA UNIT AMANAH DI DUNIA YANG MEMBENARKAN URUSNIAGA YANG TIDAK JAUH BERBEZA DARIPADA KONSEP SIMPANAN.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN

10. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN MAJLIS MALAM INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS ATAS PENCAPAIAN P.N.B. SETAKAT INI. SESUNGGUHNYA, MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN P.N.B. 2005 INI MERUPAKAN SATU PENGHARGAAN KEPADA SUMBANGAN DAN KHIDMAT BAKTI SETIAP WARGA P.N.B.

11. SAYA DIFAHAMKAN SEHINGGA KINI P.N.B. TELAH MENGGEMBLENG 46 BILION UNIT DARI LEBIH 8 JUTA PELABUR DI SELURUH NEGARA. DENGAN JUMLAH SEBESAR INI, TIDAK DINAFIKAN P.N.B. BUKAN SAHAJA PERLU BERHATI-HATI, TETAPI JUGA PEKA DENGAN PERKEMBANGAN SERTA PERUBAHAN PERSEKITARANNYA. P.N.B. PERLU SENTIASA MENILAI KESAN DAN AKIBAT DARIPADA SETIAP PERANCANGAN DAN KEPUTUSAN PELABURANNYA. DENGAN BERPEGANG KEPADA FALSAFAH 'STRATEGI JANGKA PANJANG UNTUK PELABURAN JANGKA PANJANG', P.N.B. PERLU MEMASTIKAN AGAR SETIAP KEPUTUSAN PELABURANNYA BERUPAYA MENJANA PULANGAN YANG BAIK DAN BERPATUTAN.

12. WALAUPUN P.N.B. TELAH MEMPERTUNJUKKAN PRESTASI YANG BAIK SETELAH BEROPERASI LEBIH 25 TAHUN, SAYA TETAP BERHARAP PENGURUSAN DAN KAKITANGAN P.N.B. AKAN TERUS MELIPATGANDAKAN USAHA DAN KOMITMEN MEREKA AGAR MAMPU MENANGANI CABARAN DI MASA DEPAN. SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI YANG DIBERI AMANAH UNTUK MEMELIHARA MODAL RAKYAT JELATA, SAYA MENYERU AGAR SEMUA WARGA P.N.B. TERUS MENGEKALKAN TAHAP PROFESIONALISME YANG TINGGI, MEMPERTINGKATKAN KEPAKARAN BAGI MENGEKALKAN DAYA SAING YANG TINGGI SERTA SENTIASA MENYEMAI NILAI-NILAI MURNI SEPERTI AMANAH, TELUS, JUJUR DAN BERTANGGUNGJAWAB.

13. SUNGGUHPUN PENDEKATAN YANG TELAH DILAKSANAKAN BOLEH DILIHAT SEBAGAI MEMUASKAN, SAYA MENYERU AGAR KITA TIDAK MENYEMPITKAN MINDA SERTA TIDAK TERLALU TERIKAT DENGAN SESUATU PENDEKATAN SAHAJA. KITA

PERLU SENTIASA Mencari strategi dan pendekatan baru agar selari dengan arus perubahan yang berlaku. Strategi hari ini mungkin sesuai dalam beberapa tempoh yang tertentu sahaja. Justeru, kita perlu bijak meneroka peluang dan pendekatan baru agar kita mampu bersaing dan tidak ketinggalan, serta mampu mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

14. Dengan persekitaran dunia tanpa sempadan, kita perlu sentiasa bersedia dan bijak mengenal pasti peluang-peluang yang ada bagi memastikan kita lebih berupaya untuk bersaing di arena antarabangsa. Saya difahamkan penglibatan P.N.B. dalam pengurusan dana antarabangsa telah dimulakan sejak tahun 1998 lagi. Walaupun jumlah yang dilaburkan masih kecil, saya berpendapat P.N.B. masih mempunyai banyak ruang untuk mempertingkatkan usaha-usaha yang berkaitan dengan pelaburannya di luar negara. Di sini, adalah wajar bagi P.N.B. untuk mempertingkatkan lagi kemahiran anggota kakitangan yang mengurus pelaburan antarabangsa agar pengurusan dana dapat dilaksanakan dengan lebih berhemat lagi.

SAUDARA SAUDARI SEKELIAN

15. Pelancaran Semula A.S.W. 2020 pada malam ini boleh diterjemahkan sebagai satu langkah perediaan bagi P.N.B. untuk menerapkan pendekatan baru dalam memastikan unit-unit amanahnya sentiasa relevan dan memenuhi keperluan para pelaburnya. Melihat kepada potensi perkembangan dana unit amanah negara, saya berharap pelancaran Semula A.S.W. 2020 dengan ciri-ciri kelayakan dan transaksi jualan balik baru ini mampu mendapat perhatian dan sambutan yang baik.

16. Dengan harapan agar A.S.W. 2020 lebih berjaya, saya dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim melancarkan Semula Amanah Saham Wawasan 2020 dengan rasminya.

TERIMA KASIH.